

# Orang nyanyuk tak wajib solat

Boleh dibantu dirikan sembahyang

**?** Bapa saya sudah berusia 78 tahun dan mengalami penyakit nyanyuk peringkat awal. Beliau sering kali lupa rakaat, tertib solat dan bacaan. Sewaktu bersolat, ibu saya akan duduk di belakang beliau memantau gerak-gerinya. Apakah hukumnya jika ibu saya memberitahu dan membetulkan tertib solat bapa apabila berlaku kesalahan. Contoh, memberitahu tertib seterusnya, rakaat kedua atau ketiga, rukuk dan sebagainya. Atau dibiarkan sahaja kerana beliau sudah di tahap nyanyuk.

**!** Terima kasih atas soalan. Pertama sekali saya berharap agar saudara bersabar atas apa yang berlaku ke atas ayah saudara. Anggaplah ia satu ujian Allah SWT untuk saudara dan keluarga kerana Allah SWT akan mengangkat darjat mereka yang bersabar apabila ditimpa musibah.

Untuk pengetahuan saudara, solat tidak wajib ke atas mereka yang hilang akal termasuklah kepada mereka yang diuji dengan penyakit nyanyuk. Mereka sudah tidak lagi termasuk dalam golongan mukalaf yang diwajibkan solat dan sebagainya. Walaupun begitu, kewajipan itu akan kembali kepada mereka selepas mereka kembali sedar daripada nyanyuk yang kronik.

Berhubung situasi ayah saudara, beliau seakan-akan masih boleh melakukan solat seperti sedia kala dengan bantuan tunjuk ajar daripada isteri yang berada di belakangnya. Isteri boleh membantu suami yang nyanyuk untuk solat dengan sempurna sekadar termampu. Solat ayah saudara adalah sah dan dia tidak berdosa jika terdapat kekurangan dalam pelaksanaan solat ketika itu. Sesungguhnya Allah SWT tidak akan menghitung seseorang itu kecuali apa yang mereka mampu. Perkara ini boleh dirujuk dalam surah al-Baqarah ayat 286.

Sebagai panduan umum, ingin saya tegaskan hukum solat secara umum. Pertama, solat wajib dilaksanakan pada waktunya ke atas semua umat Islam yang sihat dan cukup syarat. Jika mereka meninggalkan solat dengan sengaja, maka hukumnya haram dan berdosa. Mereka juga wajib qadq semua solat ditinggalkan tanpa terkecuali.

Kedua, wajib solat ke atas umat Islam yang sakit sama ada ringan atau berat. Setiap mereka wajib solat mengikut kemampuan mereka ketika sakit. Jika tidak mampu solat berdiri, maka solat dalam keadaan duduk. Jika tidak mampu duduk maka solat dalam keadaan berbaring. Jika tidak juga mampu dalam keadaan berbaring maka solat dengan menggunakan isyarat mata dan begitulah seterusnya. Solat mengikut kemampuan pesakit.



**DR MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM**

ialah pensyarah Fiqh Kepenggunaan Semasa Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia

## Hayati bacaan untuk lebih khusyuk

**?** Saya sering juga terlupa rakaat apabila bersolat kerana kurang khusyuk dan pelbagai gangguan, juga was-was ketika niat solat sewaktu mengangkat takbir. Oleh kerana ia kerap berlaku, adakah ia kerana kekhilafan saya dan sikap saya melayan perasaan gangguan. Bagaimana untuk saya lebih khusyuk.

**!** Terlupa adalah kebiasaan manusia. Ia termasuklah dalam isu solat yang berpunca daripada solat kita yang tidak khusyuk. Dalam isu ini, solat saudara sah selagi setiap syarat dan rukun dilakukan dengan sempurna. Namun tidak dinafikan hukumnya adalah makruh dan perbuatan itu tidak menyebabkan kita berdosa kerana ia bukan disengajakan.

Ia akan menjadi berdosa sekiranya kita sengaja menyebabkan solat tidak khusyuk seperti sengaja solat dengan televisyen atau

radio dipasang.

Berhubung solat saudara yang tertinggal rakaat kerana lalai, maka diwajibkan ke atas saudara untuk menambah rakaat mengikut kadar yang saudara tinggalkan. Jika saudara tertinggal satu rakaat, maka saudara wajib menambah satu rakaat dan begitulah seterusnya.

Ulama menggariskan beberapa tips supaya solat kita akan lebih khusyuk dan fokus. Ia adalah seperti berikut:

⊙ Cuba sedaya upaya menghayati bacaan dibaca dengan tenang.

⊙ Cuba sedaya upaya memahami setiap makna ayat dibaca ketika solat atau yang sedang dibaca oleh imam.

⊙ Lupakan segala tugas dunia dan fokus kepada pahala serta bekalan di akhirat.

⊙ Takut akan azab Allah SWT bagi mereka yang banyak melakukan dosa dan kemungkaran.

⊙ Banyakkan zikir dalam hati jika tidak mampu memahami ayat dibaca imam.